

Press Release



Media : Utusan Malaysia
Date : 7 January 2012
Page : Bisnes, Pg. 19
Published : Daily
Language : Bahasa Malaysia
Circulation : 193,000

Tupperware sasar jualan naik 20%

PETALING JAYA 6 Jan. - Syarikat jualan langsung, Tupperware Brands Malaysia Sdn. Bhd. (Tupperware Malaysia) menyasarkan jualan produknya di pasaran tempatan meningkat lebih 20 peratus tahun ini, melalui langkah pengenalan produk baharu serta penambahan ejennya.

Pengarah Urusan Tupperware Brands Asia Tenggara, David Wong berkata, dalam mencapai matlamat itu juga, Tupperware Malaysia dijangka menambah bilangan rangkaiannya daripada 74 buah kepada 100 buah menjelang akhir tahun ini.

"Kami akan terus meningkatkan pemasaran, agihan serta latihan kepada ejen kami," katanya kepada pemberita selepas pengenalan produk kecantikan terbaharu di bawah Tupperware, Nutrimetics, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Pemasaran Tupperware Malaysia, Ch-

ristine Wong dan Pengurus Penjenamaan Kanan Nutrimetics, Scott Williams.

Kata Wong lagi, syarikat itu juga menjangkakan bilangan ejen jualan di Malaysia akan bertambah dari semasa ke semasa dan ketika ini jumlahnya lebih 300,000 ejen.

Tupperware yang terkenal dengan produk penyimpanan makanan turut menawarkan produk kecantikan dan makanan tambahan dengan pelbagai jenama antaranya BeutiControl dan NaturCare.

Ketika ini, 89 peratus produk yang ditawarkan di negara ini adalah dalam kategori tahan lasak seperti produk penyimpanan manakala 11 peratus dalam kategori pengguna seperti barangan kecantikan dan makanan tambahan.

"Selepas pengenalan Nutrimetics, kami menjangkakan peratusan kategori pengguna akan meningkat kepada 20 peratus dalam tempoh dua tahun," katanya.



DAVID Wong menunjukkan produk penyimpanan makanan Tupperware dalam satu majlis yang diadakan di Petaling Jaya, semalam.